

**PROGRAM j⁴-QAF: MENTRANSFORMASI ASPIRASI PENDIDIKAN,
MENGINOVASI PENCIPTAAN WARISAN, MENGINTEGRITI
BANGSA MELALUI BAHASA KETUHANAN**

Ahmed Ridzuan Bin Mohamed Dzambrah

(SK Manjoi Satu Ipoh, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh Perak Darul Ridzuan)

ABSTRAK

Membangun, membina dan memajukan sebuah negara adalah bermula dari institusi-institusi asasi seperti institusi keluarga dan kampung – penempatan – sehingga kepada institusi yang lebih luas yang dianggotai oleh ribuan hingga jutaan institusi asasi tadi seperti institusi pendidikan. Lestarinya institusi pendidikan itu pula bergantung kepada keprihatinan – empati dan simpati terhadap kelompangan, kebejatan serta kemunduran bangsa – dan kecerdikan ahli yang mempunyai wewenang dalam pembikinan dasar yang boleh mengubat-rawat dan sekaligus melahirkan bangsa yang mempunyai kualiti sahsiah dan kemahiran yang diharapkan sebagai model modal insan terpuji yang akan menjadi agen dan pewaris penerus kegemilangan ketamadunan lahiriah dan batiniah sesebuah negara. Bertiti-tolak dari pernyataan di ataslah kita dapat melihat kerajaan telah mengubal-laksanakan satu dasar yang amat muhim untuk memastikan bahawa warganegara yang akan dilahirkan kelak adalah terdiri daripada insan-insan yang cukup dan sempurna sifat batiniah – akhlak terpuji dan berintegriti tinggi – yang dampaknya sangat jelas pada lahiriah. Dasar itu pula perlu bagi memastikan sumber ekonomi unggul iaitu modal insan itu tidak cacat atau terencat tindak-tanduk dan fikirnya dalam memimpin, mentadbir dan mengurus agama, bangsa dan negara. Maka dengan keprihatinan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang mahsyur dengan gagasan syumul Islam Hadhari, terlahirlah satu dasar baharu pendidikan yang akan memacu kemajuan negara yang serba-serbi mempunyai keseimbangan emosi dan fizik iaitu program j-QAF (Jawi, Quran, Arab, Fardhu Ain) bagi sekolah rendah juga akan diteruskan perlaksanaannya di peringkat sekolah menengah pula. Program j-QAF ini tidak hanya sekadar gagasan biasa, namun ianya muncul setelah melihat tahap penghayatan murid terhadap Quran dan amalan-amalan wajib agama semangkin merosot dan membimbangkan. Rentetan itu, barulah terserlah bahawa bertapa

⁴j-QAF. ‘j’ (jawi), menggunakan font kecil bertujuan untuk membezakan di antara sistem ejaan jawi Malaysia dengan negara-negara Nusantara yang lain seperti Brunei Darussalam dan Indonesia. Temubual, En. Sham Sunain bin Abdul Majid, Ketua Panitia Pendidikan Islam, SK Manjoi Satu Ipoh Perak Darul Ridzuan pada 1 Mac 2012.

pentingnya tulisan jawi yang pernah suatu ketika disenyapkan⁵ dari arus pendidikan Negara.

Kata kunci: Program j-QAF, transformasi kurikulum, usaha pentadbiran, 'nilai bangsa', *political will*, *weltanschauung* pendidikan Melayu.

PENGENALAN

"Takkan Melayu hilang di dunia", itulah kata-kata keramat Laksamana Agung di zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka, Hang Tuah. Pengekalan identiti adalah sangat penting, bukannya kerana soal perkauman atau asabiah bangsa seperti yang dilemparkan oleh segelintir pihak berkepentingan wewenang songsang, tetapi kerana identiti manusia Melayuitu sangat unik disebabkan asas pembinaan bangsa ini disulam-bina oleh ajaran agama Islam, sama ada dari aspek sosial, ekonomi mahu pun politik. Tambahan pula adat resam manusia Melayu mempunyai semacam *esprit de corps* dengan kebudayaan bangsa-bangsa lain – bangsa serantau dan lain-lain benua –, saling lengkap-melengkapi, tambah dan pinjam. Yang menariknya, jati diri pengenalan Melayu – Melayu Islam - itu tetap kukuh dengan estetikabudaya dan kesantunan Nusantara sehinggakan manusia global melihat kesantunan dan kesopanan dalam masyarakat Melayu itu adalah 'milik' dan 'genetik' bangsa ini. Dari sinilah kita dapat melihat bahawa betapa pentingnya bidang pendidikan sama ada secara formal atau tidak dapat memberi kesan kepada benih-benih insani yang hendak dibentuk-lahirkan.

Adat resam, budaya dan kesenian yang kita namakan sebagai 'nilai bangsa' ini tidak lagi boleh dikekalkan survivalnya melalui lisan seperti mana masa dulu-dulu kala. Dengan ledakan pengaruh yang pelbagai datangnya dari pelbagai arah geografi benua sedikit demi sedikit telah menghakis pasak identiti Melayu. Maka usaha pentadbiran dalam politik berkerajaan telah diambil dengan kebijanya supaya 'nilai bangsa' itu tidak

⁵ Tulisan jawi dihapuskan pada tahun 1968. Sila lihat dalam wantarmizi.blogspot.com. Tan Sri Mohamed Khir Johari semasa memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran Malaysia (1957-1959/1965-1968) telah melakukan satu reformasi bahasa dalam pendidikan Negara apabila menghapuskan tulisan jawi sebagai tulisan utama dan tulisan pengantar kepada Bahasa Melayu. Bermula dari itu, semua pelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ditukar tulisannya ke dalam tulisan rumi. Generasi yang mendapat pendidikan selepas beliau menjadi menteri di Kementerian Pelajaran telah menjadi generasi yang kurang mahir dalam tulisan jawi. Serentak dengan itu juga akhbar utama orang Melayu ketika itu, Utusan Melayu menjadi malap dan tidak popular. Pada tahun 2005, Utusan Melayu telah berkubur dan pihak kerajaan terpaksa menghidupkannya kembali dengan tajaan dari pihak-pihak tertentu. Lihat dalam, mforum.cari.com.my/archiver/?tid=540151.html dan, ms.wikipedia.org/wiki/Mohamed_Khir_Johari

terus hanyut atau hanya tercatat dalam beberapa helaian muka surat dalam Perlembagaan Negara Malaysia. Dengan kesedaran inilah, mantan Perdana Menteri ke-5, Tun Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi telah mengambil langkah cerdik untuk memperkenalkan program j-QAF di peringkat sekolah rendah bagi memantapkan semula 'nilai bangsa' yang banyak bersangkutan-paut dengan Islam iaitu askara jawi, al-Quran dan bahasa Arab serta Fardhu Ain, bersesuaian dengan roh dan semangat Islam Hadhari yang dizahirkan.

Jawi bukan hanya dalam penting masyarakat Melayu Malaysia sahaja, tetapi juga seantero kepulauan Melayu itu sendiri. Bahasa Melayu itu sendiri memerlukan akar tunjangnya semula untuk memastikan bahasa ini terus survivar dalam arus globalisasi. Akar tunjang itu tidak lain dan tidak bukan ialah tulisan jawi. Walaupun sebelum kedatangan Islam kealam Melayu, bahasa Melayu itu telah dilahirkan fikirnya dan pandangan alam jagat rayanya melalui askara Sanskrit dan gambar-gambar lain, namun kemajuan ilmu termasuk perkembangan linguistik bahasa Melayu itu tidaklah begitu pesat dan rancak. Tulisan jawi mempunyai kaitan sangat rapat dengan agama Islam dan bahasa Arab. Dengan tulisan jawilah - Islam -, alam Melayu menjadi unggul dan bestari. Tamadun hadhari terus rancak mampan bangunnya, disamping tatasusila sopan santun peribadi manusia Melayu pula menjadi pujaan siulan bangsa-bangsa di merata belahan dunia. Kertas kerja ini akan cuba memberi tumpuan bahawa manusia Melayu sememangnya telah lama kurunnya hebat dari segi kemampuan intelek dan kekuatan bahasa Melayu sebagai lingua franca, serta kepentingan program j-QAF kepada pembinaan jatidiri dan intelek terutamanya keberlangsungan murid-murid Islam dalam mendepani arus deras cabaran globalisasi yang kadang-kala menghakis paspot/pengenalan sebagai seorang muslim dan jertusnya rupa gagah bahasa Melayu di kalangan warganegara juga di persada antarabangsa

SEPUTAR TULISAN JAWI

Tulisan Jawi (جاوي), juga dipanggil Yawi di Pattani, ialah sejenis abjad Arab yang disesuaikan untuk menulis bahasa Melayu. Tulisan Jawi merupakan salah satu daripada dua sistem tulisan rasmi di Brunei, dan juga dijadikan sistem tulisan alternatif di Malaysia. Dari segi penggunaannya, tulisan Jawi dahulunya merupakan adjad piawai bahasa Melayu tetapi sudah diganti oleh abjad Rumi, maka penulisan Jawi hanya terhad kepada kegunaan keagamaan dan kebudayaan. Penulisan Jawi seharian dipelihara di kawasan-kawasan yang diduduki masyarakat Melayu yang lebih konservatif, misalnya Sulu di Filipina, Pattani di Thailand, Kelantan di Malaysia dan beberapa kawasan petempatan Melayu di Indonesia⁶.

⁶ Lihat, ms.wikipedia.org/wiki/Tulisan_Jawi

Tulisan Jawi telah wujud sejak sekitar tahun 1300 M di Kepulauan Melayu. Perkembangannya berhubung kait dengan ketibaan Islam, khususnya daripada orang Parsi. Abjad Arab yang diperkenalkan ini diubah suai agar sesuai dengan bahasa Melayu klasik lisan. Tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri, dan ditokok dengan 6 huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu *capa*, *gangava* dan *nya*.

Tulisan Jawi berpunca daripada kesusasteraan Arab yang diperkenalkan oleh orang Parsi kepada Kerajaan Melayu Jambi yang terletak di utara Palembang, Sumatera, Indonesia, dan bertutur dalam bahasa Melayu klasik. Barangkalinya, mereka yang memeluk agama Islam memilih untuk menulis dalam abjad Jawi kerana ia berhubungkait rapat dengan kebudayaan Islam, daripada menggunakan tulisan Jawa yang diterbitkan daripada sistem-sistem tulisan yang digunakan di kawasan-kawasan beragama Hindu atau Buddha di Asia Selatan. Nama "Jawi" membayangkan akar umbinya di Jawa, bak hujah sesetengah ilmuwan. Bagaimanapun, oleh sebab tidak banyak ditemui meskipun memang pernah digunakan di Jawa, kemungkinan besar perkataan *Jawi* ini merupakan gelaran am bagi kawasan di bawah penguasaan atau pengaruh Jawa. Selain itu, nama Jawi itu mungkin berpunca daripada kerajaan Javaka kuno yang merupakan pendahulu kerajaan-kerajaan Majapahit dan Srivijaya yang pernah menjalin hubungan dengan saudagar dan pendakwah Arab.

Tinggalan tulisan Jawi purba yang terawal ditemui pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 M (702 H) dan juga *Syair Bidasari* tulisan sekitar 1300–1399 M yang ditemui di Sumatera, sementara penggunaan terawal abjad Rumi untuk bahasa Melayu datang dari akhir abad ke-19. Kawasan Terengganu berada dalam lingkungan pengaruh Srivijaya selewat abad ke-13, sementara Kesultanan Terengganu hanya diasaskan seawal abad ke-18. Ini menguatkan hujah bahawa tulisan Jawi berasal dari Jambi oleh kerajaan abdi Pasai di bawah Srivijaya.

Tulisan Jawi berkembang pesat sejajar dengan penyebaran Islam, setelah bangsa Melayu mendapati bahawa tulisan Pallava yang digunakan mereka selama ini tidak sesuai sekali sebagai wahana penyebaran perihal agama baru ini. Orang Melayu memandang tinggi tulisan Jawi sebagai gerbang kepada pemahaman Islam dan kitab sucinya, al-Qur'an. Penggunaan tulisan Jawi merupakan faktor utama yang memangkin kebangkitan bahasa Melayu sebagai serantau di samping penyebaran agama Islam. Tulisan Jawi digunakan secara meluas di negeri-negeri kesultanan Melaka, Johor, Brunei, Sulu, Patani, Ache dan Ternate seawal abad ke-15, untuk tujuan surat-menyurat diraja, titah-perintah, puisi dan juga kaedah perhubungan utama sesama saudagar di pelabuhan Melaka.

Berikut adalah jadual bagi huruf-huruf dalam tulisan Jawi serta padanannya dengan huruf rumi⁷:

⁷*Ibid*,

Nama	Bentuk huruf				Padanan Rumi
	Tunggal	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata	
Alif	ا			ا	A
Ba	ب	ب	ب	ب	B
Ta	ت	ت	ت	ت	T
Sa	ث	ث	ث	ث	s, (th)
Jim	ج	ج	ج	ج	J
Ha	ح	ح	ح	ح	h, (h)
Ca	ع	ع	ع	ع	c
Kha	خ	خ	خ	خ	kh
Dal	د			د	d
Zal	ذ			ذ	z, (dh)
Ra	ر			ر	r

Zai	ز			ز	z
Sin	س	سد	سد	س	s
Syin	ش	شد	شد	ش	sy
Sad	ص	صد	صد	ص	s, (ʃ)
Dad	ض	ضد	ضد	ض	d, (ɖ)
Ta	ط	ط	ط	ط	t, (t̪)
Za	ظ	ظ	ظ	ظ	z, (z̪)
Ain	ع	ع	ع	ع	awal: a, i, u; akhir: k, (ʻ)
Ghain	غ	غ	غ	غ	gh
Nga	غ	غ	غ	غ	ng
Fa	ف	ف	ف	ف	f
Pa	ف	ف	ف	ف	p
Qaf	ق	ق	ق	ق	k, q, (q)

Kaf	ك	ڪ	ڪ	ك	k
Ga	گ	گ	گ	گ	g
Lam	ل	ل	ل	ل	l
Mim	م	م	م	م	m
Nun	ن	ن	ن	ن	n
Wau	و			و	w, u, o
Va	و			و	v
Ha	ه	ه	ه	ه	h
Ya	ي	ي	ي	ي	y, i, e taling
Ye	ی			ی	e pepet hujung
Nya	ن	ن	ن	ن	ny
Hamzah	ء			ء	awal: gugur; akhir: k, (')
ta marbutah	ة			ة	t, h, (t)

Catatan:

1. Latar belakang berwarna merah jambu menunjukkan huruf yang unik dalam tulisan Jawi dan tiada dalam tulisan Arab.
2. Huruf di dalam kurungan ialah padanan untuk transliterasi.
3. Huruf ج diperkenalkan pada tahun 1983 untuk mewakili huruf v.
4. Huruf ء imbuhan, iaitu hamzah yang berada $\frac{3}{4}$ dari garis asas diperkenalkan pada tahun 1983. Ia digunakan pada perkataan berimbuhan seperti نءاس ءببك. Namun, tiada fon dewasa ini yang mempunyai kemampuan untuk memaparkan huruf ء pada kedudukan yang betul. Kebanyakan pengguna menggunakan kaedah superskrip untuk mengubah kedudukan ء .

TRANSFORMASI KURIKULUM

Dasar pendidikan di Malaysia mengalami beberapa rentetetan sejarah yang agak panjang. Pelbagai perubahan struktur dari segi dasar dan isi kandungan – kurikulum dan ko-kurikulum – dilakukan demi memenuhi tuntutan kehendak corak pendidikan semasa yang berdasarkan kepada perubahan peta pemikiran dan perkembangan sendiri manusia. Bagi Malaysia, dasar pendidikan dibentuk berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Negara dan juga Falsafah Pendidikan Islam. Kedua-dua falsafah ini saling lengkap-melengkapi antara satu sama dan terasnya tidak bertentangan kerana ianya memfokuskan kepada pembentukan fikir dan respon yang sah dan terpuji. Oleh yang demikian, sudah tentulah akan terlihat taraf pemikiran dan keperihatinan politikus pada setiap semesta mereka memikul wewenang memimpin negara. Bagaimana usaha pentadbiran terutamanya dalam pendidikan dan pelajaran diambil oleh kelompok ini juga dapat dinilai hasil dasar tersebut pada generasi mendatang.

Pembikinan dasar bagi institusi pendidikan pula hendaklah berasaskan kepada realiti perubahan dan keperluan semasa iaitu seperti suatu bentuk tindakbalas tentang sesuatu kemajuan atau pun keilatan yang telah dihasilkan oleh dasar-dasar silam yang memundurkan kualiti modal insan yang hendak dilahirkan kini, dimana natijahnya akan kelihatan pada masa mendatang.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya 27 Januari 1999, menyarankan Kementerian Pendidikan menyemak semula kurikulum Pendidikan Islam (PI) dengan memberi penekanan kepada kandungan teks dan kaedah pelaksanaan kurikulum yang lebih berkesan kepada murid-murid sekolah. Kurikulum Pendidikan Islam disemak semula mulai tahun 2000 dengan beberapa penambahbaikan. Pada 8 Mac 2001 YAB Perdana Menteri telah menerima beberapa saranan dari Jawatankuasa Semakan Sukatan Pelajaran⁸.

⁸Pengajian Islam Major Modul 1/3. Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005 him. 2 dalam Kertas Dasar Semakan Kurikulum Pendidikan

3. Bahasa Arab¹³

Status Bahasa Arab Sekolah Rendah pada masa ini sebagai mata pelajaran bahasa tambahan. Ia diajar di sekolah-sekolah rendah secara berpilih dan terhad. Tidak semua murid berpeluang mempelajarinya¹⁴.

4. Fardhu Ain

Ramai ibu bapa masih belum berpuas hati dengan tahap pencapaian dan penguasaan anak-anak mereka terhadap amalan Fardhu Ain terutama dalam hal ibadah mendirikan solat¹⁵. Tambahan pula Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dilaksanakan pada masa ini perlu dikaji dan disemak semula supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Oleh itu satu pendekatan baru perlu diperkenalkan bagi memantapkan pelaksanaan Fardhu Ain ini. Oleh yang demikian, jika dilihat sekali imbas, program j-QAF juga seperti program KAFA. Cumanya program j-QAF dilaksanakan dalam aliran rasmi pendidikan negara dan pendekatan yang lebih terperinci lagi kerana tidak semua murid beragama Islam memasuki KAFA yang wujud di penempatan mereka.

¹³ Bagi matapelajaran Bahasa Arab, ianya juga terbuka kepada murid-murid bukan beragama Islam untuk turut serta memilih matapelajaran ini sebagai bahasa pilihan selain daripada bahasa ibunda seperti bahasa Tamil dan bahasa Mandarin.

¹⁴ Masih terdapat lagi sekolah rendah yang belum melaksanakan program j-QAF disebabkan kekurangan jumlah murid beragama Islam dan juga jumlah tenaga pengajar masih lagi belum mencapai satu tahap yang akan membolehkan j-QAF dilaksanakan di semua sekolah. Selain itu proses pengambilan guru-guru bagi program KPLI-LPBS J-QAF SR dilaksanakan dengan begitu teliti dan ketat supaya calon-calon guru yang diambil memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

¹⁵ Fardhu ain adalah sesuatu yang perlu dititik-beratkan dalam kehidupan terutamanya kepada murid-murid. Pemantauan yang berterusan daripada ibu bapa terhadap anak-anak jagaan mereka sangat dituntut kerana ia adalah kunci kepada kejayaan pemahaman dan pelaksanaan program j-QAF – fardhu ain – di sekolah. Melalui observasi penulis mendapati segelintir ibu bapa menyeraikan sepenuhnya tanggungjawab pendidikan kepada para guru j-QAF/Pendidikan Islam di sekolah untuk mendidik fardhu ain ke atas anak-anak mereka tanpa berusaha untuk menghantar ke kelas tambahan seperti ke ‘sekolah rakyat’. ‘Sekolah Rakyat’ atau sekolah agama pagi atau petang, istilah yang digunakan di negeri Perak Darul Ridzuan. Sekolah rakyat ialah sekolah agama bantuan kerajaan negeri yang menyediakan pendidikan Islam. Ianya juga dikenali sebagai kelas KAFA (Kelas Agama dan Fardhu Ain).

5. Projek j-QAF¹⁶

Pada Keseluruhan masa pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah pada masa ini ialah 6 waktu, 5 waktu di SJKT dan 4 waktu di SJKC. Peruntukan waktu ini tidak membolehkan aktiviti-aktiviti khatam al-Quran, pemulihan dan pengukuhan Jawi dan latihan amali Fardhu Ain yang mencukupi dilaksanakan di sekolah-sekolah. Manakala Bahasa Arab di sekolah-sekolah diajar oleh guru Pendidikan Islam sedia ada. Ini menyukarkan pelaksanaan Bahasa Arab di semua sekolah sekiranya guru Bahasa Arab yang hakiki tidak diwujudkan.

Model-model Program j-QAF

Enam (6) model telah dikenalpasti akan dilaksanakan iaitu 5 model pengajaran dan 1 model kokurikulum. Model-model pengajaran adalah seperti berikut:

1. Model Kelas Pemulihan Jawi;
2. Model Tasmik;
3. Model 6 bulan Khatam al-Quran;
4. Model Perluasan Bahasa Arab Kumunikasi;
5. Model Bestari Solat.

Bagi aktiviti-aktiviti pengukuhan pula yang telah dikenalpasti akan dilaksanakan adalah model-model berikut:

1. Kelab Seni Tulisan Jawi;
2. Kem Bina Juara;
3. Majlis Khatam al-Quran;
4. Kem Literasi al-Quran; dan
5. Pertandingan Bahasa Arab.

¹⁶*op. cit.*, hlm.36

Model-model j-QAF

1. Model Kelas Pemulihan Jawi

Model Pemulihan Jawi diperjelaskan di dalam Buku Panduan Perlaksanaan Model kelas Pemulihan Jawi. Ia akan diajar oleh guru khas pemulihan jawi dalam waktu yang sama dengan kelas jawi biasa di semua sekolah dengan menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Semua sekolah hendaklah menubuhkan Kelab Seni Tulisan Jawi dan menjalankan aktiviti pengukuhan di peringkat sekolah dengan menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan yang bersesuaian serta mempertingkatkan penggunaan kemudahan ICT sedia ada.

2. Model Khatam Al-Quran

Khatam Al-Quran diperjelaskan di dalam buku panduan Perlaksanaan Program Khatam Qur'an Model 6 Bulan dan Buku Panduan Program Khatam al-Qur'an Model Tasmik

Model 6 Bulan dilaksanakan mengikut modul yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu PI sedia ada. Model ini akan menggunakan pendekatan talaqqi dan musyafahah. Murid yang belum menguasai bacaan al-Quran dibimbing dengan kaedah IQRA', sementara yang telah menguasainya diteruskan menggunakan model khatam al-Quran.

Model Tasmik pula dilaksanakan di luar waktu persekolahan normal mengikut kesesuaian dan keupayaan murid serta dengan persetujuan ibu bapa mereka dan kesediaan guru pembimbing yang terdiri daripada guru j-QAF, GPI, guru-guru mata pelajaran lain yang berkemampuan, atau pembimbing luar yang sesuai. Guru pembimbing tersebut hendaklah dilantik secara rasmi oleh pihak sekolah dan insentif khas wajar dipertimbangkan.

3. Model Bahasa Arab

Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang sedang dilaksanakan pada masa ini di sekolah-sekolah kebangsaan akan diperluaskan pelaksanaannya di semua sekolah. Status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Walau bagaimanapun murid diwajibkan memilih BAK sekiranya tidak mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dan Tamil. Peruntukan waktu adalah 60 minit seminggu dan diajar oleh guru Bahasa Arab yang dilantik khusus.

4. Model Bestari Solat¹⁷

¹⁷*Ibid*, hlm.37

Seminar Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah berlangsung pada 3 hingga 5 Mac 2004 telah memutuskan supaya Model Bestari Solat dilaksanakan secara rintis bersama model-model projek j-QAF yang lain bagi menguji sejauh mana kelemahan dan kekuatannya. Program Kem Bistari Solat perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi memastikan kejayaan Program j-QAF. Kerjasama dan hubungan yang erat antara pihak sekolah dan ibu bapa amat penting bagi memastikan hasrat murni dapat direalisasikan.

Kem Bestari Solat ialah aktiviti perkhemahan yang dilaksanakan untuk memastikan murid boleh menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan dan perbuatan. Aktiviti ini dilaksanakan secara insentif di satu tempat khas mengikut kesesuaian sesebuah sekolah. Kem Bestari Solat diadakan bertujuan untuk memastikan murid dapat:

- ✦ Mengetahui kepentingan solat
- ✦ Berwudhuk dengan sempurna
- ✦ Mengetahui bilangan rakaat solat-solat fardhu
- ✦ Melaksanakan semua perbuatan dalam solat dengan betul
- ✦ Menguasai bacaan dan mengaplikasikannya dalam solat dengan betul dan lancar

WELTANSCHAUUNG PENDIDIKAN MELAYU

Pendidikan Melayu seperti mana yang difahami oleh kaumnya sendiri, mempunyai kaitan sangat intim dengan Islam. Islam dan cabang-cabang perbincangan yang hebat terkandung dalamnya sangat berkesan dalam membentuk jati diri manusia Melayu itu sendiri. Falsafah pendidikan dalam bangsa ini kita dapat lihat sentiasa seiring dengan keperluan zahir dan batin manusiawi selaku khalifah di muka bumi. Pandangan alam, cara dan kaedah faham tentang ketuhanan dan kealaman sentiasa beralas dengan agama – dalil Naqli¹⁸ dan Akli¹⁹ - yakni pemahaman itu tidak lari dari rukun-rukun Akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang menjadi asas pembentukan manusia Melayu di Gugusan Kepulauan Melayu. Perenggan ini juga menunjukkan bahawa proses P&P (Pengajaran dan Pembelajaran) yang wujud dalam sistem Pendidikan Melayu yang mendasari sistem pendidikan kebangsaan sebagai contoh adalah satu sistem yang syumul bertepatan dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri.

¹⁸ Dalil atau bukti-bukti dari teks wahyu iaitu kitab suci al-Quran dan Hadis-hadis Nabi saw.

¹⁹ Penulis melihat dalil Akli itu ialah sesuatu penerangan dan bukti-bukti saintifik dan empirikal yang digunakan untuk menjelaskan tentang sesuatu sebab-akibat dalam jagat-raya ini, sama ada penerangan itu dapat dilihat-sentuh-rasa oleh pancaindera atau difahami dan tanggap oleh akal yang sah.

Oleh yang demikian kita dapat lihat sudah tentu dalam usaha untuk menghubungkan manusia dengan ilmu, alat penghubung – askara dan bahasa- itu diperlukan. Di sinilah terselahnnya kehebatan dan kekuatan askara Jawi yang digunakan untuk melahirkan Kalam Allah swt²⁰ dalam bentuk tulisan yang dilahirkan dalam lembaran kulit kayu, haiwan, tulang-belulang dan daunan serta pasak kukuh dalam helaian ingatan lalu dikumpul, maka terbentuknya mashaf – mashaf Uthmani – yang *taufiki* cara baca sebut dan tulisannya dari Allah swt.

Jawi, seperti ditegaskan di atas, berjaya menjadi alat pembangunan sahsiah dan tamadun alam Melayu. Buktinya, Kepulauan Melayu mempunyai kronologi tentang kepercayaan terhadap pelbagai anutan agama yang panjang. Tetapi sebaik sahaja Islam mula tersebar melalui jalan laut dan darat yang datang dari pelbagai pelusuk benua, anutan Islam itu tidak hanya memberi bekas dan terhenti pada persoalan *welltanchuung* sahaja, tetapi turut mempengaruhi kerancakkan perkembangan sastra serta pembinaan hadari.

Kita ‘hanya menyedari’ keperluan jawi ini dalam hidup bangsa Melayu setelah calendar tahunan bersilih-ganti ke angka 2000 dan seterusnya di mana pemusnahan tulisan jawi dalam sistem pendidikan arus perdana “berjaya” melahirkan ibu bapa dan anak-anak mereka yang sangat lemah dan buta dalam membaca al-Quran. Tetapi kebejatan ini tidak berhenti pada hal itu sahaja, ia turut memberi kesan kepada aktiviti fardhu ain terutamanya, amalan agama seperti puasa, solat – bacaan-bacaan dalam solat, wajib dan sunat – mula janggal dalam kehidupan mereka. Nampaknya kita memang boleh terus membangun, maju dan menjadi cerdik walaupun tidak tahu jawi dan bersembahyang, tetapi maju dan cerdik itu hanya bersifat kosmetik sahaja apabila pelbagai cabaran sosial dan globalisasi tidak dapat ditepis dengan sewarasnya.

Perkara-perkara sebegini berlaku kerana keketekan golongan tertentu dalam memahami falsafah ilmu itu sendiri. Falsafah ilmu asasi yang sering digabung-jalin dengan bidang-bidang ilmu yang wujud di alam maya ini sentiasa diingati oleh mereka ini sebagai ‘asal dari tamadun Barat/ kuno Barat’. Rentetan dari salah faham dan ‘sengaja salah faham’ itu, segala pencapaian dalam hidup termasuklah soal pengubalan sistem pendidikan pun mengikut acuan Barat/Inggeris. Jika tidak, kemajuan itu tidak dapat digunakan untuk membangun generasi seterusnya. Begitu jugalah senario yang

²⁰ Al-Quran adalah Kalam Allah swt – yakni bukan satu makhluk - yang diturunkan kepada Muhammad saw, selaku Nabi dan Rasul akhir zaman dan juga penutup serta penghabisan para Nabi dan Rasul yang diutuskan Tuhan kepada bangsa Manusia dan Jin. Turunnya al-Quran melalui perantaraan malaikat Jibril secara beransur-ansur di mana turunnya Kalam Allah swt lafaz dan maknanya adalah 100% dari Tuhan Sekelian alam.

sama berlaku dalam dasar²¹ PSSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris) yang agak pincang itu. Seputar perbincangan asal-usul 'kehebatan' falsafah Barat dapat dikesan butir-butir dalam kalam seorang Sarjana Islam tersohor abad ini, Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas :

“Sebenarnya faham-faham failusuf Yunani itu bukanlah sesuatu yang berasal timbul dari akal nazari mereka, akan tetapi berasal dari wahyu yang telah diturunkan kepada para nabi dan rasul terdahulu yang telah diutus menyampaikannya kepada semua bangsa insan. Ajaran-ajaran para anbiya dan mursalin terdahulu itu, meskipun terdapat ada yang telah bercampur-aduk dengan rekaan khayalan kebudayaan bangsa masing-masing, tetap ada terdapat terselip di sana-sini dalam renungan insan purbakala sehingga sampai juga ke dalam tinjauan serta tilikan nazari para filusuf. Begitu jugalah kita insafi adanya beberapa persamaan antara Islam dan agama lain itu tiada besar dan mutlak. Perbezaan antara Islam dan yang lain itu – walaupun mungkin tiada bercirikan sifat-sifat yang tampak jelas – tetap besar dan mutlak, dan adalah suatu kewajipan bagi kita mengenalinya demi menghindarkan kekeliruan dan keraguan dan kesesatan yang akan mengharukan kita andai kata masalah perbezaan ini diteledorkan²² ”

Pembuatan sesuatu dasar dalam negara hendaklah mempunyai cerminan jati diri dan akal budi warisan bangsa. Walau macam manapun gelodak globalisasi menuntut supaya kita berubah, namun perubahan sendiri yang perlu dilakukan itu tidak sekali-kali melibatkan soal prinsip adat budaya – agama – yang didokong. Bahasa adalah satu wasilah untuk mendapatkan ilmu. Ilmu pula boleh dicapai dalam apa jua bahasa. Maka tidak adalah tidak patut bahasa ibunda bumi dan tanah ini – bahasa Melayu – dikesampingkan serta kehebatan jawi di pisahkan daripada tugu pengenalan bahasa Melayu.

²¹ Dasar ini telah diperkenalkan pada tahun 2003 oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamed dengan bertujuan untuk memantapkan bahasa Inggeris dikalangan warganegara. Namun tentang dari pelbagai pihak dari tahun ke tahun semangkin meluas berikutan kegagalan murid-murid yang terlibat dengan dasar ini untuk memahami Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, jurang yang luas berlaku di antara murid-murid Bandar dan desa serta mewujudkan semacam satu bentuk penolakan dan ketidakpercayaan terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai status bahasa *Lingua Franca*.

²² Attas, al-, Syed Muhammad Naquib, Prof. Dr. (2001) *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC). Kuala Lumpur. hlm.28

Manusia Melayu memerlukan satu sistem pendidikan yang bersepadu duniawi dan ukhrawi kerana nenek moyang bangsa ini berjaya melalui liku-liku hidup mereka zaman silam dengan berlandaskan agama. Rentetan itu, sudah tentu *weltanschauung* Melayu yang telah terbina kukuh dan teruji itu perlu disisip rapi dalam sistem itu tadi. Seperti luahan dan saranan oleh Tn. Hj. Mohd. Razali bin Elias selaku Guru Besar SK Manjoi Satu Ipoh Perak Darul Ridzuan²³:

“Norma masyarakat dulu mereka bertanggung-jawab dengan anak-anak jiran mereka, norma itu dipandang elok pada masa itu, tetapi kini norma itu sudah hampir tidak wujud lagi. Perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat memberi kesan kepada murid-murid dalam proses pembelajaran. Semuanya adalah disebabkan oleh arus kemodenan yang pesat. Kita tidak boleh menyekat teknologi dan kemodenan yang berlaku. Jadi kita perlu mengikut rentak perubahan itu, kita kena berubah, jika tidak kita akan ketinggalan”

Program j-QAF perlu dilihat melalui serampang dua mata iaitu ia satu bentuk dasar pendidikan rasmi untuk generasi kini dan penglibatan semua pihak terutamanya ibu bapa untuk turut terlibat sama mendidik anak-anak mereka. Berikutan daripada itu, program j-QAF akan diangkat pada kedudukan yang sewajarnya kerana program ini akan memastikan murid-murid yang dilahirkan nanti di masa hadapan adalah generasi yang berjaya dan cemerlang dari segi sahsiah diri dan kerjaya. Sekali gus masalah sosial, salah-laku, pecah amanah, rasuah dan sebagai yang berlaku dalam kelompok kolar putih dan kolar biru dapat dihindari.

RUMUSAN

Keperluan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan negara tidak dapat disangkal lagi. Tulisan Jawi tidak hanya menjadi satu alat perantaraan dalam menahirkan ilmu pengetahuan, akan tetapi ianya merupakan sejenis askara yang sangat istimewa dan mulia kerana mempunyai kaitan secara langsung dengan al-Quran dan al-Hadis Nabi Muhammad saw. Tulisan Jawi jugalah yang telah menghubungkan antara pelbagai ribuan suku kaum di Kepulauan Melayu ini. Misalnya kitab-kitab Jawi Kuning menggunakan Bahasa Melayul yang ditulis dalam tulisan Jawi walaupun pengarangnya berasal dari wilayah yang terletak di Selatan Thailand. Tulisan Jawi adalah jiwa dan roh manusia Melayu. Manakala jiwa dan roh itu pula disulam-bina oleh panduan agama, agama Islam. Tidak syak lagilah, bertapa program j-QAF ini sangat diperlukan terutamanya dalam sistem pendidikan bangsa Melayu dalam usaha kerajaan untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berketrampilan, mulia sahsiah diri serta berkeperibadian unggul yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

²³ Temubual pada 9 Mac 2012 di SK Manjoi Satu, Ipoh Perak Darul Ridzuan.